

**80,000 Tetamu Dijangka Hadir Rumah Terbuka Najib Di Pekan Sabtu Ini**  
**Bernama**  
**15 Ogos, 2013**

PEKAN, 15 Ogos (Bernama) -- Kira-kira 80,000 tetamu dijangka menghadiri majlis rumah terbuka Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor di Taman Tasik Sultan Abu Bakar di sini, Sabtu ini.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Pekan Datuk Ishak Muhammad berkata Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah dan Sultanah Pahang Sultanah Kalsom, Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah dan Tengku Puan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dijangka berkenan berangkat menghadiri rumah terbuka itu yang akan berlangsung dari 10 pagi hingga 2 petang.

"Kira-kira 200 gerai dari 160 pembekal makanan sekitar Pekan juga telah bersedia untuk menyediakan pelbagai juadah hari raya termasuk makanan tempatan seperti kambing panggang, opor daging, puding raja, laksa Pahang, kuih-muih tradisional, nasi beriani, nasi bukhara, nasi minyak dan roti jala," katanya kepada pemberita selepas membuat tinjauan persiapan majlis itu di sini, Khamis.

Ishak berkata jumlah juadah kambing panggang tahun ini ditingkatkan kepada 50 ekor berbanding 30 ekor pada tahun lepas, berikutan ramai pengunjung yang menggemari menu istimewa itu.

Perdana menteri juga akan menyampaikan sumbangan kepada 150 bakal jemaah haji dari Pekan dan beg cenderahati sebanyak 40,000 unit turut disediakan kepada pengunjung terawal majlis itu.

"Beberapa artis terkenal seperti Awie (Wings), penyanyi Syed Sobrie, Azie, Nash, Shura, Raja Azura dan Lan Pet Pet turut dijemput memeriahkan majlis," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970137>